TELUS & TULUS

AKHBAR ARUS PERDANA PALING DIYAKINI

# Sinar Harian

sinarharian.com.my

JUMAAT | 20 MEI 2022 | 19 SYAWAL 1443H | BIL: 5597 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian RM1.50




**Sultan Nazrin dukacita tragedi lima pelajar USAS maut di lebuh raya** 9








**Ustaz Kazim derita sakit kulit seluruh anggota** 11




**Kes bunuh CEO Cradle Fund: Nasib Samirah, dua remaja diketahui 21 Jun** 12

### Untuk tingatkan pengeluaran, kurangkan import makanan

# MAJUKAN TANAH TERBIAR 103,000 HEKTAR




- Kerajaan disaran memajukan kira-kira 103,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara sebagai salah satu usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan bagi memenuhi keperluan 32 juta rakyat negara ini.
- Kerajaan juga disyor melaksanakan transformasi sistem pertanian moden seperti penggunaan dron dan aplikasi internet kebendaan (IoT) bagi menaikkan imej sektor berkenaan sebagai satu pekerjaan popular yang menjadi pilihan anak muda.
- Pihak universiti dan industri turut diminta berganding bahu bersama kerajaan demi membantu golongan belia menceburi bidang pertanian selain memudahkan urusan permohonan golongan itu untuk membangunkan tanah terbiar.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian* | RAJA NUR FAZNIE AIDA, MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID dan NAZRIN ZULKAFLI di muka 2 & 3

## Habibah dilantik ketuai jawatankuasa tangani masalah buli di sekolah

BEKAS Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Habibah Abdul Rahim dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Bagi Meneliti dan Menambah Baik Prosedur Pengendalian Kes Gangguan Seksual dan Buli di institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Md Jidin berkata, penubuhan jawatankuasa khas itu merupakan antara pendekatan kementerian untuk mendapatkan solusi terbaik dalam menangani kes gangguan seksual dan buli. 8



## Cecair vape perisa dadah

Polis berjaya membongkar kegiatan satu sindiket menjual dan mengedar dadah jenis *methylenedioxy-methamphetamine* (MDMA) dalam bentuk cecair perisa rokok eletronik vape dalam tiga serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang, Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Beh Eng Lai berkata, sindiket terbabit aktif sejak setahun lalu dengan menjual dadah berkenaan di dalam botol perisa vape bersaiz 10 mililiter pada harga RM150 sebotol.



12

